

UCAPAN YANG AJLAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS PELANCARAN SEMINAR KEMPEN
ANTI-DADAH PERINGKAT KEBANGSAAN ANJURAN
PERTUBUHAN PERKUMPULAN PEREMPUAN SEMENANJUNG
MALAYSIA, DI PETALING JAYA, SELANGOR
PADA HARI RABU, 12HB. FEBRUARI, 1986
PUKUL 9.30 PAGI

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Yang Berusaha Pengerusi Majlis;

Yang Berbahagia Datin Khamsiah Ibrahim,
Yang Di-Pertua Pertubuhan Perkumpulan
Perempuan Semenanjung Malaysia;

Tetamu-Tetamu Jemputan;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan perkenannya dapat kita bertemu di Majlis Pelancaran Seminar Kempen Anti-Dadah peringkat kebangsaan anjuran Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Semenanjung Malaysia pada hari ini.

2. Telah terdapat aliran yang nyata daripada sikap masyarakat amnya dan ibubapa khususnya terhadap gejala penyalah-gunaan dadah di negara ini. Pada masa dahulu ibubapa dan masyarakat di negara ini tidak begitu mengambil berat mengenai masalah dadah kerana, pertamanya, menganggap

masalah dadah ini tidak serius, tidak menjejaskan keluarga mereka sendiri dan tidak memahami akan kesan buruk dan bahayanya penyalah-gunaan dadah. Keduanya, terdapat juga orang yang berpendapat supaya tidak mengheboh-hebuhkan sangat masalah dadah kerana takut muda-mudi akan menjadi 'curious'¹ dan menimbulkan lebih lagi keinginan untuk mencuba dan seterusnya menghisap dadah.

3. Keadaan seperti inilah yang telah benar-benar berlaku di negara-negara Barat. Ibubapa tidak pernah memikirkan bahawa anak-anak mereka akan terlibat atau menjadi mangsa dadah. Mereka terlalu lurus dan anak-anak terlalu bebas sehingga suatu ketika ternyata kepada masyarakat Barat bahawa dadah telahpun menyusup masuk ke dalam keluarga mereka sendiri. Pada ketika itu, barulah mereka cuba membanteras wabak dadah ini. Ianya menjadi lebih buruk lagi apabila terdapat golongan-golongan yang membekalkan dadah dengan mudahnya. Sekiranya ada pengguna, tentu sekali ada pula pembekalnya.

4. Namun begitu masyarakat Barat cepat sedar dan cepat bertindak untuk menyelamatkan anak-anak atau muda-mudi mereka daripada terjerumus ke dalam kancah penyalah-gunaan dadah. Badan-badan sukarela telah berganding bahu bergerak menghadapi dan menentang masalah dadah ini. Sebagai contoh Di Amerika Syarikat, bukan hanya setakat 100,000 atau 200,000 penagih dadah sahaja, bahkan lebih ramai lagi yang terlibat dan negara itu pula terlalu luas untuk mengawal wabak ini jika dibandingkan dengan negara kita. Mereka telah bertindak secara teratur, sungguhpun tanda-tanda pemulihan belum lagi nyata, tetapi sekurang-kurangnya muda-mudi, ibubapa dan masyarakat telah menerima dan sedar bahawa penyalah-gunaan dadah merupakan ancaman yang amat buruk sekali terhadap manusia.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Di negara ini, telah muncul banyak kesedaran di kalangan masyarakat kita untuk mengelakkan berlakunya masalah dadah di dalam keluarga masing-masing. Kita juga harus menyedari bahawa; tidak anak kita, anak orang; tidak anak orang, anak kita yang akan terdedah kepada unsur-unsur dadah ini. Sebagaimana kita sedia maklum, anak-anak kita hari ini terlalu luas pergaulannya sehingga sukar bagi kita untuk mengawalinya bagi memastikan yang mereka tidak terlibat dengan unsur-unsur yang merosakkan, seperti penyalah-gunaan dadah.

6. Faktor inilah yang menyebabkan betapa pentingnya peranan ibubapa untuk mengawal dan mencegah anak-anak mereka daripada terlibat dengan penyalah-gunaan dadah. Memang benar kebebasan anak-anak perlu ada supaya mereka dapat bergerak, menggunakan fikiran dengan seluas-luasnya bagi menentukan sesuatu yang buruk dan yang baik. Tetapi asuhan, panduan, tunjuk-ajar dan teladan yang baik daripada ibubapa dan juga ahli-ahli keluarga merupakan perkara yang penting bagi meyakinkan seseorang anak itu bertindak dengan betul, dan sekiranya ia memerlukan pertolongan atau nasihat maka ia akan menerimanya daripada keluarganya sendiri.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Dalam beberapa bulan yang lalu, kita telah membaca usaha-usaha dan kejayaan-kejayaan Kerajaan membanteras wabak dadah di negara kita ini. Seringkali kita membaca laporan-laporan mengenai pihak polis menangkap pengedar-pengedar dadah yang masih lagi berani menjalankan kegiatan mereka yang benar-benar membahayakan dan anti manusia. Kita merasa hairan, bagaimana manusia pada zaman ini sanggup melakukan usaha untuk merosakkan manusia yang lain dengan dadah. Tidakkah golongan ini mempunyai anak sendiri, dan tidakkah mereka takut sekiranya anak

mereka sendiri akan tercebur dalam bahaya akibat perbuatannya itu? Apakah jenis manusia ini, yang memilih pengedaran dadah sebagai usaha cepat untuk menjadi kaya, tidak langsung berperikemanusiaan?

8. Sebagai ibubapa dan masyarakat yang jujur, kita ingin menghapuskan penyalah-gunaan dadah daripada kalangan masyarakat kita. Kita berterima kasih dan menyanjung tinggi usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan khasnya pihak polis, dalam membanteras, menahan dan menghapuskan sindikit pengedaran dadah di negara ini. Kita perlu bekerjasama dengan Kerajaan untuk memberi seberapa banyak maklum balas mengenai kegiatan-kegiatan yang tidak sihat di tempat masing-masing supaya keadaan tidak merebak menjadi satu wabak yang dahsyat.

9. Di Persidangan Kebangsaan Penglibatan Ibubapa Dalam Pencegahan Dadah anjuran BAKTI pada bulan Oktober yang lalu, seorang peserta dari Amerika Syarikat telah menunjukkan alat-alat permainan kanak-kanak yang digunakan untuk menghisap dadah. Paraphenalia dadah ini direka oleh segolongan orang di Amerika Syarikat untuk menarik perhatian kanak-kanak terhadap dadah. Persatuan Ibubapa di Amerika Syarikat telah mengecam syarikat-syarikat dan pengusaha-pengusaha yang menjual paraphenalia ini. Kini, mereka bukan sahaja mengawasi alat-alat permainan kanak-kanak tetapi juga jualan-jualan yang mempopularkan penagihan dadah.

10. Kita telah mula lihat usaha seperti ini dijalankan di negara kita, tetapi ramai di antara kita yang masih tidak menyedarinya. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas kepada ibubapa yang mula-mula mengesan jualan alat-alat suntikan plastik dalam coklat. Inilah peranan ibubapa yang paling mudah tetapi cergas dan cekap dalam usaha mengesan sebarang gejala buruk yang berlaku dalam masyarakat kita. Kita mahu syarikat-syarikat penjual

makanan dan alat-alat permainan di negara ini maju, tetapi sekiranya jualan mereka itu berunsur yang tidak sihat, umpamanya memasukkan alat suntikan plastik dalam kotak-kotak coklat, mengguna simbol dadah atas pakaian, merakam lagu atau menjual rakaman rekod atau pita, mendewa-dewakan dadah ataupun menyeludup majalah-majalah yang menggalakkan penyalah-gunaan dadah, kita perlu bertindak dengan satu suara dalam usaha menentang perbuatan dan penjualan itu. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk berhati-hati dan mengawasi muda-mudi kita dengan seberapa boleh supaya mereka tidak terperangkap dengan penyalah-gunaan dadah. Dengan banyak lagi kejayaan Kerajaan menangkap pembawa-pembawa dan pengedar-pengedar dadah serta kerjasama dan bantuan setiap individu dalam masyarakat, insya-Allah, kita akan membanteras dan mencegah masalah dadah di negara kita.

11. Dalam kempen anti-dadah, rakyat perlu diberi sepenuh maklumat dan penerangan mengenai bahayanya penyalah-gunaan dadah ini. Usaha seperti ini perlu disebarikan ke segenap pelosok tanahair kita. Saya percaya dengan infrastruktur yang sedia ada, Pertubuhan Perkumpulan Perempuan dapat menjalankan usaha-usaha seperti ini dengan jayanya. Saya mengucapkan tahniah kepada Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Semenanjung Malaysia kerana usahanya mengadakan Seminar ini dan saya berharap langkah ini akan memberi semangat dan dorongan yang kuat kepada para peserta. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menyebarkan maklumat yang didapati melalui Seminar ini kepada ibubapa, kaum keluarga, sahabat handai dan masyarakat amnya apabila kita pulang ke negeri masing-masing.

12. Saya juga ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Semenanjung Malaysia kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dan seterusnya merasmikan Seminar ini. Saya berharap semoga

Seminar ini akan berjaya. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Seminar Kempen Anti-Dadah peringkat kebangsaan anjuran Pertubuhan ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
